



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569

JELAJAH PERTAMA 'JOM KOSONG' PERINGKAT ZON SELATAN DI NEGERI JOHOR

JOHOR, 13 September 2024 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) hari ini meneruskan jelajah inisiatif 'JOM KOSONG' bersama pemain industri makanan di Restoran Tepi Sungai Jamilah, Kluang, Johor. Inisiatif ini adalah usaha menyokong Kempen Perangi Gula yang diterajui oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri, Dato Seri Anwar bin Ibrahim di Port Dickson.

Kempen 'JOM KOSONG' menasaskan pengurangan penggunaan gula dalam minuman dan makanan, yang mana pengusaha restoran yang menyertai kempen ini akan bersama-sama untuk mengurangkan penggunaan gula dalam makanan dan minuman yang disediakan mereka. Kajian terkini oleh KKM menunjukkan bahawa rakyat Malaysia mengambil 26 sudu teh gula setiap hari, melebihi tiga kali ganda daripada saranan WHO iaitu 6 sudu teh sehari. Kempen ini bertujuan untuk mendidik pengguna tentang risiko kesihatan seperti diabetes, yang kini menjejaskan 18.3% populasi dewasa di negara ini. Bersempena Kempen JOM KOSONG dan menyahut seruan Kerajaan supaya rakyat menjalani hidup yang sihat, Restoran Tepi Sungai Jamilah menawarkan pengurangan harga sebanyak 20 sen bagi semuanya minuman yang tidak bergula.

PRESMA merupakan antara persatuan terawal selain SAMENTA terlibat dalam menjayakan inisiatif kempen 'JOM KOSONG' ini. KPDN amat menghargai kerjasama daripada pihak PRESMA dan diharapkan dapat diteruskan oleh mana-mana persatuan peniaga makanan dan minuman yang lain.

Melalui penglibatan daripada pengusaha makanan dan restoran di seluruh negara dalam kempen perang gula ini, kita berharap akan ianya akan menjadi budaya dan gaya hidup baru dalam masyarakat Malaysia yang celik akan kesihatan diri melalui amalan pengurangan pengambilan gula dalam minuman atau makanan mereka.

Selain PRESMA dan SAMENTA, KPDN akan turut akan berkerjasama dengan persatuan-persatuan lain iaitu Persatuan Pengusaha Restoran India Malaysia (PRIMAS), Sahabat Tom Yam Prihatin Semalaysia, Malaysia Singapore Coffee Shop Proprietors' General Association (MSCSPGA), Malaysia Retail Chain Association (MRCA), dan Bumiputra Retailers Organisation (BRO) untuk menjayakan inisiatif ini.

KPDN telah memaklumkan bahawa mulai 1 Oktober 2024, produk makanan dan minuman yang mengandungi kandungan gula yang tinggi dan berlebihan akan dikeluarkan daripada senarai barangan yang diberi diskaun di bawah Program Jualan RAHMAH MADANI (PJRM) seperti susu pekat manis. Senarai barangan yang terlibat akan diperhalusi untuk pertimbangan pihak penganjur PJRM kelak. Menurut statistik KPDN, sejak pelaksanaan program Jualan Rahmah MADANI, lebih daripada 5 juta pengguna telah menikmati pembelian barangan keperluan dengan tawaran harga diskaun 10 hingga 30 peratus dan PJRM juga telah dapat membantu meringankan beban kos sara hidup masyarakat setempat khususnya dalam kalangan golongan B40.

Bagi pertanyaan lanjut mengenai inisiatif 'JOM KOSONG', pemain industri dan orang ramai boleh menghubungi Sekretariat Perdagangan Pengeedaran dan Industri Perkhidmatan (SPIP) di talian hotline 03-8882 5881/ 5905 atau melalui e-mel kepada spip@kpdn.gov.my.

YB Senator Hajah Fuziah bin Salleh

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

###